

Hasil penyelidikan UMP diguna syarikat pertanian Qatar

Berita Harian (Khamis, 30/1/2020) Vols. 48 m/s: 8

Kuala Lumpur: **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** memeterai ikatan kerjasama strategik dengan syarikat pembekal sistem dan hasil tanaman daripada kaedah rumah hijau di Qatar, Agrico For Agricultural Development (Agrico), di sini, baru-baru ini.

Kerjasama UMP itu membabitkan bidang penyelidikan, pembangunan produk, pengkomersialan dan pertukaran kepakaran bagi kegunaan pertanian yang akan diguna pakai di rumah hijau milik Agrico di Doha.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu disempurnakan Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengerusi Pembangunan Projek Antarabangsa Agrico, Ahmed Hussain Al-Khalaf dengan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad serta Duta Negara Qatar di Malaysia, Fahad Mohammed Kafoud.

Yang turut hadir, Ketua Pengerah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed; Pegawai Daerah Ca-

meron Highlands, Datuk Ishak Mohd Napis dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof Dr Kamal Zuhairi Zamli.

Prof Wan Azhar berkata, kerjasama strategik dengan Agrico itu diharapkan dapat memanfaatkan UMP dalam berkongsi kepakaran bagi menepati keperluan industri pada masa hadapan, bukan hanya di dalam negara, tetapi juga pada peringkat antarabangsa.

Belliau berkata, jalinan kerjasama itu juga akan meningkatkan kredibiliti UMP dalam menerajui program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) aras tinggi.

Selain formulasi baharu yang akan dibangunkan, katanya, kolaborasi itu turut membabitkan penerokaan peluang pengkomersialan produk cecair baja organik dengan prebiotik yang dinamakan Pre-Pecto pada skala besar yang mana produk berkenaan sudah diguna pakai Agrico pada skala kecil sebelum ini dan memberikan hasil yang sangat baik.



Prof Wan Azhar dan Ahmed Hussain bertukar dokumen sempena Majlis Menandatangani MoU, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Saya amat berbangga dengan hasil serta usaha yang sudah dan sedang dijalankan oleh penyelidik UMP, Dr Noormazlinah Ahmad serta Dr Siti Hajar Noor Shaarani dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP) yang terbabit dalam kerjasama ini.

"Semoga lebih ramai penyelidik UMP berusaha untuk mene-

rokai peluang kerjasama pada peringkat antarabangsa terutama di negara Islam seluruh dunia," katanya.

UMP menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan apabila memenangi *Malaysia's Research STAR Award 2019* bagi kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan

inovasi untuk kategori universiti bukan penyelidikan apabila berjaya menghasilkan lebih 600 harta intelek (IP) sejak 10 tahun lalu.

Selain itu, pendapatan hasil pengkomersialan di UMP pula menjangkau RM6 juta sepanjang lapan tahun lalu, tidak termasuk hasil daripada aktiviti perundingan dan perkhidmatan.